




**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA**  
 (NATIONAL WATER SERVICES COMMISSION)  
 Aras Bawah & Aras Satu  
 Prima Avenue, Blok 3510  
 Jalan Teknokrat 6,  
 63000 Cyberjaya  
 Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon : (603) 8317 9333/4/5  
 Faks : (603) 8317 9339/6  
 Laman Web : www.span.gov.my

File		Action
PAM	 08 JUL 2014	Info
PEF		
PTP		Copy
PB		

Ruj. Kami : SPAN/PPI/300- 1/15(46)

Tarikh : 8 Julai 2014

(Sila nyalakan rujukan apabila menjawab surat ini)

### SEGERA DENGAN FAKS

### SENARAI EDARAN SEPERTI PADA LAMPIRAN A

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

### MAKLUMAN PENGUATKUASAAN KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (RETIKULASI AIR DAN PEMASANGAN PAIP) 2014 BAGI PRODUK TAKUNGAN TANDAS (DUAL FLUSH)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 (Kaedah-Kaedah) telah diwartakan pada 30 Januari 2014 melalui P.U. (A) 36/2014 dan berkuatkuasa pada **1 Februari 2014**.

3. SPAN ingin menarik perhatian pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan bahawa produk takungan tandas (**dual flush**) telah dikuatkuasakan di dalam kaedah ini melalui Kaedah 65 (1) dan (2), Kaedah-Kaedah seperti di bawah;

#### **Tangki Simbah Tandas**

65. (1) Kecuali bagi tangki simbah yang menggunakan sistem sifon, seseorang yang memasang tangki simbah yang membekalkan takungan tandas hendaklah memastikan ia direka bentuk dan disusun dengan sedemikian untuk memberi **dua simbahan** dengan isi padu nominal simbahan penuh dan simbahan separa tidak melebihi 6 dan 3 liter, masing-masing.

(2) Seseorang yang memasang tangki simbah di bawah subkaedah (1) hendaklah mematuhi **standard yang diiktiraf**.

4. Pengecualian kepada tangki simbah yang menggunakan sistem sifon hanya dibenarkan bagi **Industri Perhotelan** sahaja.

Ruj. Kami : SPAN/PPI/300- 1/15( ~~46~~ )

Tarikh : 8 Julai 2014

(Sila nyatakan rujukan apabila menjawab surat ini)

5. Seseorang yang melanggar Kaedah 65 (1) dan (2), Kaedah-Kaedah boleh dikenakan tindakan melalui Kaedah 5 (1) dan (2), Kaedah-Kaedah seperti di bawah;

**Standard Bahan**

5. (1) Seseorang yang menggunakan atau membekalkan bahan untuk paip danengkapan yang merupakan sebahagian daripada sistem retikulasi air luaran, takungan perkhidmatan terpusat, sesalur utama bekalan, sistem bekalan air persendirian danengkapan air hendaklah memastikan bahan itu-

(a) daripada bahan sesuai yang dibenarkan oleh Suruhanjaya; dan

(b) mematuhi **standard yang diiktiraf**.

(2) Seseorang yang melanggar subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi **lima puluh ribu ringgit** atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi **enam bulan** atau kedua-duanya.

6. Sehubungan dengan itu, Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan kehendak di bawah Kaedah-Kaedah ini dipatuhi dan memaklumkan kepada organisasi dan badan di bawah seliaan pihak tuan.

7. Bagi pemasangan dan pematuhan produk-produk sanitari yang lain, Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan juga boleh merujuk kepada Bahagian IV, Divisyen 6 Kaedah-Kaedah bermula dari Kaedah 62 sehingga Kaedah 70 dan Kaedah-Kaedah kesemua yang dinyatakan boleh dimuat turun melalui laman sesawang SPAN [www.span.gov.my](http://www.span.gov.my).

Segala perhatian Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,

  
**DATO' TEO YEN HUA**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)